

TERMA & SYARAT HONG LEONG AKAUN TOP YIELD

Terma dan syarat ini hendaklah dibaca secara keseluruhan bersama-sama Terma dan Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Deposit Perbankan Islam, Terma dan Syarat Kad Debit, dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan yang mungkin dikenakan oleh **Hong Leong Bank Berhad (“HLB”)** dari semasa ke semasa setelah memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar, termasuk kaedah dan peraturan lain yang mengikat ke atas HLB.

Kelayakan

1. **Hong Leong Akaun Top Yield (“Akaun”)** terbuka kepada individu termasuk Pemastautin warga Malaysia dan bukan warga Malaysia berumur **lapan belas (18)** tahun ke atas, dan Akaun tersebut hendaklah dipegang secara individu atau bersesama dengan individu lain (**“Pemegang Akaun”**).
2. Pemastautin bukan warga Malaysia adalah tertakluk kepada peruntukan **Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 dan Notis Kawalan Pertukaran (“ECM”)** yang dikeluarkan di bawahnya.
3. Keempunyaan Tunggal, Perkongsian, Perkongsian Liabiliti Terhad, Amalan Profesional, Kelab, Pertubuhan, Persatuan, Sekolah, Perbadanan, Organisasi Bukan Untung dan entiti perniagaan lain tidak layak membuka atau mengendalikan Akaun tersebut.
4. Deposit permulaan minimum untuk membuka akaun ialah **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja.
5. Pencadang tidak diperlukan untuk membuka Akaun.

Faedah Simpanan

6. Faedah pelbagai tingkat atas baki kredit Akaun dikira dan diakru setiap hari berdasarkan baki penutup setiap hari dan dikreditkan pada hari terakhir setiap bulan ke dalam Akaun atau pada hari Akaun ditutup.
7. Jika sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan faedah berikutnya, maka faedah terakru akan dikira sama rata berdasarkan bilangan hari akaun itu kekal aktif dan akan dikira sehingga dan termasuk hari sebelum Akaun itu ditutup.
8. Faedah hanya akan dibayar bagi baki penutup akaun harian melebihi **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**.
9. Kadar faedah terkini boleh didapati di laman web korporat HLB www.hlb.com.my (“Laman web HLB”).

Faedah Bonus

10. Pemegang Akaun layak mendapat Faedah Bonus dengan syarat memenuhi “AUM” (Aset Bawah Pengurusan) bagi Bulan seperti berikut:

Jumlah AUM Pelaburan (RM)	Kadar Faedah setahun
> RM100,000	0.50%
> RM500,000	1.00%

11. **AUM Pelaburan** ditakrifkan sebagai Baki Purata Harian (“DAB”) Akaun Pelaburan sepanjang bulan.

(a) Akaun Pelaburan sedia ada

$$\text{DAB} = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian sepanjang bulan}}{\text{Bilangan hari tempoh bulanan}}$$

(b) Akaun Pelaburan baru

$$\text{DAB} = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian sepanjang bulan sejak dibuka}}{\text{Bilangan hari tempoh bulanan sejak dibuka}}$$

12. Jika jumlah AUM lebih tinggi dalam sesuatu Bulan, maka lebih tinggilah Faedah Bonus yang diperolehi atas baki kredit Akaun.
13. AUM Unit Amanah Ekuiti dan Dana Pendapatan ("**AUM Layak**") atau apa-apa AUM lain yang ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa atas budi bicara mutlak HLB yang layak mendapat Faedah Bonus ada dilampirkan di dalam ini sebagai Lampiran 1 .
14. Akaun Pelaburan AUM mestilah diletakkan atas nama Pemegang Akaun atau jika Akaun bersama, maka akaun Pelaburan AUM itu mestilah atas nama semua Pemegang Akaun berkenaan untuk melayakkan semua Pemegang Akaun mendapat Faedah Bonus;

Akaun Top Yield	Akaun Pelaburan AUM	Layak
A	A	√
A	A+B	X
A	A+C	X
A+B	A+B	√
A+B	B+A	X
A+B+C	A+B+C	√
A+B+C	A+C+B	X
A+B+C	C+B+A	X
A+B+C	A+B	X
A+B+C	A+C	X
A+B+C	B+C	X

15. Pindahan dana pelaburan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("**KWSP**") tidak dianggap AUM Layak.
16. Faedah Bonus dikira berdasarkan **Baki Purata Bulanan ("MAB")** Akaun pada akhir bulan mengikut formula yang ditunjukkan di bawah dan akan dikreditkan setiap bulan pada bulan berikut.

Faedah Bonus = MAB x Masa (T) x Kadar (R)

MAB = Jumlah baki penutup / jumlah bilangan hari dalam Bulan

Masa (T) = Bilangan hari dalam Bulan/Bilangan hari dalam tahun (cth. 365 hari)

Kadar (R) = Faedah Bonus berdasarkan AUM Layak

17. Jika sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan Faedah Bonus berikutnya, maka Faedah Bonus akan dilupuskan.

Penyata Bulanan

18. Buku akaun tidak akan dikeluarkan. Bagaimanapun, penyata Akaun akan dihantar kepada Pemegang Akaun setiap bulan.

Fi dan Caj

19. Fi dan caj berikut dikenakan kepada Akaun dan tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan:

Perihal	Fi dan Caj
IBG menerusi dalam talian	RM0.10 setiap transaksi
Caj Perkhidmatan (jika baki purata bulanan kurang RM1,000)	RM5.00 sebulan

20. Tertakluk kepada fi dan caj standard bagi Akaun Semasa dan Kad Debit.
21. HLB berhak pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **Dua Puluh Satu (21) hari kalendar** untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atas budi bicara mutlaknya dengan cara menyiarkannya dalam laman web HLB di www.hlb.com.my ("Laman Web"), atau dengan apa-apa cara lain yang dianggap sesuai oleh HLB. Pemegang Akaun bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB

dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat supaya sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada terma dan syarat.

Akaun Top Yield layak dilindungi PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Pelaburan adalah TIDAK layak dilindungi oleh PIDM.

Lampiran 1

No.	HLB Code	Nama Dana
1	AM01	AmAsia-Pacific Property Equities
2	AM02	AmGlobal Property Eq
3	AM03	AmSchroder European Equity Alpha
4	AM04	AmOasis Global Islamic Equity
5	AM05	AmPan European Property Equities
6	AM10	AmPrecious Metal
7	AM16	AmCommodities Equity
8	AM20	AMCUMULATIVE GROWTH
9	AM23	AMISLAMIC BALANCED
10	AM24	AMISLAMIC GROWTH
11	AM25	AMASIA PACIFIC REITS
12	AM29	AmTotal Return
13	AM30	AmAsia Pacific Equity Income
14	AM31	AmTactical Bond
15	AM33	AmAsia Pacific REITs Plus
16	AM34	AmConservative
17	CIMB01	CIMB-Principal Global Titans
18	CIMB03	CIMB Islamic Asia Pacific Equity
19	CIMB04	CIMB-Principal Greater China Equity
20	CIMB07	CIMB-Principal China-India-Indonesia Eq
21	CIMB10	CIMB-Principal Equity
22	CIMB11	CIMB Islamic Enhanced Sukuk
23	CIMB12	CIMB Islamic Balanced
24	CIMB13	CIMB Islamic DALI Equity
25	CIMB14	CIMB Islamic Small Cap
26	CIMB15	CIMB-Principal Balanced Income
27	CIMB17	CIMB-Principal Equity Growth & Income
28	CIMB18	CIMB-Principal Equity Income
29	CIMB19	CIMB-Principal Inc Plus Balanced
30	CIMB29	CIMB-Principal Asia Pacific Dynamic Inc
31	CIMB30	CIMB-Principal Global Multi Asset Income
32	FTAM01	Franklin US Opportunities MYR
33	FTAM02	Templeton Global Equity A (MYR)
34	FTAM03	Templeton Global Balanced A (MYR)
35	HLG01	Hong Leong Growth
36	HLG02	Hong Leong Penny Stock
37	HLG04	Hong Leong Consumer Products Sector
38	HLG09	Hong Leong Dana Makmur
39	HLG11	Hong Leong Balanced

40	HLG12	Hong Leong Dana Maarof
41	HLG14	Hong Leong Dividend
42	HLG15	Hong Leong Strategic
43	HLG24	Hong Leong Asia-Pacific Income Plus
44	HLG37	Hong Leong HK Equity Optimizer
45	HLG40	Hong Leong Regular Income Fund
46	HWA01	Affin Hwang Select Opportunity
47	HWA02	Affin Hwang Aiiman Growth
48	HWA03	Affin Hwang Select Balanced
49	HWA04	Affin Hwang Select Bond (RM)
50	HWA05	Affin Hwang Aiiman Income Plus
51	HWA07	Affin Hwang Select Income
52	HWA11	Affin Hwang Sel AsaPac exJpn REITs&Infra
53	HWA16	Affin Hwang Absolute Return II
54	HWA17	Affin Hwang Select AUD Income - MYR
55	HWA18	Affin Hwang Select Dividend
56	HWA19	Affin Hwang Select Asia (ex Jpn) Quantum
57	HWA25	Affin Hwang Select Asia (ex Japan) Opp
58	HWA26	Affin Hwang Select SGD Income - MYR
59	HWA27	Affin Hwang China Growth
60	HWA28	Affin Hwang Japan Growth
61	OSK01	RHB Emerging Opp UT
62	OSK02	RHB Sm Cap Opp UT
63	OSK03	RHB Kidsave Trust
64	OSK08	RHB Dana Islam
65	OSK09	RHB Smart Treasure
66	OSK10	RHB Smart Balanced
67	OSK11	RHB Smart Income
68	OSK12	RHB Growth & Income Focus
69	OSK14	RHB Global Equity Yield
70	OSK16	RHB Resources
71	OSK20	RHB Golden Dragon
72	OSK21	RHB Thematic Growth
73	OSK23	RHB Big Cap China Enterprise
74	OSK24	RHB Asian Growth Opportunities
75	OSK25	RHB Malaysia Dividend
76	OSK30	RHB Energy Fund
77	OSK31	RHB Gold and General
78	OSK34	RHB US Focus Equity
79	OSK35	RHB Asia Financials Fund
80	OSK40	RHB Multi Asset Regular Income Fund

81	RHB42	RHB GS US Equity Fund
82	OSK43	RHB Asian Income Fund
83	OSK44	RHB GoldenLife Today
84	OSK45	RHB GoldenLife 2020
85	OSK46	RHB GoldenLife 2030
86	PRU01	Eastspring Investments Small-cap
87	PRU02	Eastspring Investments Growth
88	PRU03	Eastspring Investments Balanced
89	PRU05	Eastspring Investments dana al-ilham
90	PRU06	Eastspring Investments dana al-islah
91	PRU07	Eastspring Inv Asia Pacific Equity MY
92	PRU09	Eastspring Inv Asia Select Income
93	PRU10	Eastspring Investments Equity Income
94	PRU11	Eastspring Investments Global Leaders MY
95	PRU15	Eastspring Investments Global Basics MY
96	PRU23	Eastspring Investments MY Focus
97	PRU24	Eastspring Inv Asia Pacific Shariah Eq
98	PRU26	Eastspring Inv Global Emerging Markets
99	PRU30	Eastspring Investments ASEAN al-Adiil
100	TA02	TA South East Asia Equity
101	TA03	TA European Equity
102	TA04	TA Asian Dividend Income
103	TA05	TA Global Technology
104	TA08	TA COMET
105	TA10	TA GROWTH
106	TA13	TA ISLAMIC